

13 NOV 1996

RTM-Rusuhan

DUA KAKITANGAN RTM BERJAYA MENYELAMATKAN DIRI DALAM RUSUHAN DI GUIANA

Oleh: Azman Ujang

KOUROU (French Guiana), 13 Nov (Bernama) -- Dua kakitangan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) berjaya melepaskan diri daripada rusuhan yang meletus di Cayenne, ibu negeri French Guiana lewat malam Selasa (tengah hari Rabu waktu Malaysia).

Wartawan, Yazid Naim dan juruteknik Nawi Abdul Ghani terperangkap dalam rusuhan itu semasa dalam perjalanan dengan teksi ke stesen Radio dan Televisyen French Guiana (RFO) untuk menghantar rakaman televisyen mengenai ketibaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal hari ini.

Semasa teksi mereka sedang menghampiri stesen RFO pada tengah malam, tanpa disedari mereka terserempak sekumpulan perusuh yang membaling batu dan membawa obor.

"Ia macam Palestin. Mereka membakar bangunan dan kereta," dan pemandu teksi itu mengarahkan kami keluar dari teksi, kata Yazid, 38.

Kami berlari ke arah polis yang kemudian mengarahkan kami supaya berlindung di Hotel Amazonia yang terletak berdekatan kerana ia lebih selamat dan kebanyakan pelancong tinggal di situ.

"Beberapa pelancong di hotel itu meminta kami supaya jangan keluar kerana keadaan adalah berbahaya. Tetapi kami berazam untuk masuk ke RFO kerana jika tidak kami akan terlepas waktu tempahan satelit untuk menghantar rakaman gambar ke Kuala Lumpur," kata Nawi.

Menurut Reuters, rusuhan pada malam Khamis dan Jumaat lepas menyebabkan seorang terbunuh, sekurang-kurangnya enam cedera dan menyebabkan kerugian berjuta-juta ringgit kerana kerosakan bangunan kerajaan dan kedai-kedai di Cayenne.

Keganasan berlarutan beberapa jam pada Selasa dengan polis cuba meredakan keadaan dengan menggunakan gas pemedih mata untuk menyuraikan rusuhan. Rusuhan baru itu tercetus apabila sebuah mahkamah Majistret menjatuhkan hukuman terhadap tujuh orang yang ditahan kerana rusuhan minggu lepas, menurut saksi.

Yazid berkata seorang pemandu lain menawarkan untuk membawa mereka ke RFO tetapi mengenakan bayaran 200 Francs (lebih kurang RM100).

Pemandu itu berjaya memandu melepasi perusuh-perusuh itu dan berjaya sampai ke stesen tepat pada masa.

Dr Mahathir dan 200 lagi rakyat Malaysia, termasuk wartawan berada dalam keadaan selamat kerana mereka menginap di hotel-hotel di Kourou, 60 km daripada tempat rusuhan. Rusuhan tercetus kerana membantah keadaan sekolah-sekolah yang kurang memuaskan di wilayah itu.

Mereka berada di situ untuk menyaksikan pelancaran satelit kedua Malaysia, Measat-2, yang dijadual dilancarkan di Pusat Angkasa Lepas Kourou pada 7.40 petang Rabu (6.40 pagi waktu Malaysia).

Yazid berkata, rusuhan itu bermula beberapa jam awal dan keadaan tidak dapat dikawal semasa mereka melalui kawasan itu.

"Kita mendengar letupun di merata tempat. Macam di televisyen," kata beliau.

Kemudian di hotel, Pengarah Televisyen RTM Helan Abu yang juga berada di Kourou, menyanjungi rakan-rakannya dan bersyukur kerana mereka tidak cedera. -- BERNAMA

AU PR